Learnfram (2001), menyatakan bahawa e-learning adalah kaedah pembelajaran yang menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan ICT secara interaktif dengan menggunakan komputer, internet, alat bantu audio visual dan sebagainya. Kaedah e-learning juga membolehkan pembelajaran adalah secara talian pada bila-bila masa menggunakan animasi interaktif, bunyi, teks dan grafik yang berwarna-warni serta simulasi.

Penggunaan ICT dibincangkan dalam dua aspek. Aspek pertama ialah sudut pengajaran di mana guru-guru menggunakan ICT manakala aspek kedua ialah sudut pembelajaran di mana murid menggunakan ICT. Hal ini meliputi peranan pemimpin sekolah dalam membentuk budaya ICT melalui pembinaan dasar dan pelan





pembangunan serta pemantauan sumber dalam program perkembangan staf di mana peranan guru dan sokongan pihak luar terhadap integrasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Chee (2000) menyatakan bahawa penciptaan mikro komputer pada awal tahun 70-an telah menghasilkan impak yang besar bagi penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, teknologi maklumat terus berkembang sehingga PAK 21. Seperti yang dinyatakan dalam Pendidikan Abad Ke 21, inovasi dalam teknologi telah membawa penggunaan teknologi yang meluas dalam semua sektor bidang. Pada masa yang sama, bidang pendidikan juga tidak terkecuali. Sejak kebelakangan ini, penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan semakin hari semakin meluas dan berkembang pesat mengikut peredaran masa di seluruh dunia. Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi membuka peluang baru dalam sistem pendidikan yang sedia ada.

PAK 21 menekankan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Salah satu elemen dalam PAK 21 ialah Literasi Teknologi, Maklumat dan Komunikasi. Rupa dan bentuk yang baru yang sesuai diperlukan kepada generasi abad ke 21. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lama iaitu '*chalk dan talk*' perlu diubah dan penggunaan kaedah teknologi yang baru perlu diperkenalkan seiring dengan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju.





Dalam Pelan Induk Peningkatan Pendidikan (2007), pelaksanaan ICT dalam pengajaran pembelajaran perlu dirancang dan bersesuaian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Antara matlamat pembangunan ICT dalam pendidikan ialah untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur ICT dengan memperluaskan akses dan ekuiti dalam kemudahan ICT, memperluas kurikulum berasaskan ICT, meningkatkan sistem pentaksiran dengan menggunakan ICT, menekankan pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT di kalangan murid, tenaga pengajar dan personal Kementerian Muridan Malaysia (KPM).

Menurut Mok Soon Sang (2003), pengajaran merupakan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Elemen pengajaran meliputi perkara-perkara seperti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid dengan cara berkesan. Menurut Rsidayu Sabran (2006), perubahan global dalam dunia pendidikan telah menjana kepada minat dan usaha bagi para pendidik menggunakan aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

KPM mencadangkan beberapa tindakan susulan diambil bagi melonjokkan kecemerlangan sistem pendidikan negara. Antaranya ialah memantapkan kemenjadian murid. Tujuannya untuk memastikan murid yang dihasilkan melalui sistem pendidikan kebangsaan mempunyai dan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan TM dengan baik serta berupaya berfikir secara kreatif dan kritis dan bertindak secara rasional (RM Ke-10, 2012).





Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah dijadikan asas dan garis panduan dalam pembentukan kurikulum sekolah-sekolah di Malaysia. Semua usaha transformasi pendidikan dilaksanakan bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri. Selain itu, ia dapat memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2001).

Lantaran perubahan itu, perkembangan pesat dan kemajuan dalam bidang TM, maka kandungan kurikulum bagi mata muridan TM perlu sentiasa disemak semula dan dikemas kini oleh KPM. Matamuridan TM merupakan salah satu mata muridan elektif yang ditawarkan kepada murid- murid tahap 2 iaitu dari tahun empat hingga tahun 6 di semua sekolah rendah dalam Kurikulum Semakan Sekolah Rendah (KSSR). Kini kandungan ICT tersebut memberi fokus bukan sahaja kepada pengetahuan tentang perisian aplikasi tetapi juga pengetahuan tentang perkakasan komputer (PPK, 2006).

Tujuan penyemakan dan pengemaskinian kandungan kurikulum ICT adalah untuk memantapkan pelaksanaan kurikulum tersebut di sekolah-sekolah rendah bagi meningkatkan minat, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan murid (PPK, 2006). Semua pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh murid melalui mata muridan ICT membolehkan mereka melanjutkan muridan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi dalam bidang TM ataupun dalam bidang pengajian yang lain (PPK, 2006).





Model persekolahan yang lama melibatkan pembelajaran secara pasif, iaitu guru membacakan fakta kepada murid didapati kurang sesuai untuk menyediakan murid bagi menghadapi cabaran masa kini (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006). Pembelajaran pasif berlaku apabila murid hanya melibatkan diri dalam aktiviti mendengar, mengemukakan soalan dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru malah, jawapan yang diberikan hanya bergantung kepada sumber maklumat yang diperoleh daripada guru sahaja (Minter, 2011). Oleh yang demikian, guru harus beralih kepada pembelajaran aktif atau pembelajaran berpusatkan murid supaya murid boleh menyesuaikan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada bagi membina pengetahuan baru dalam minda mereka dengan bantuan interaksi sosial bersama guru dan murid lain. (Biggs & Tang, 2011).



Oleh itu, pengkaji memilih teknologi *Augmented Reality* sebagai kajiannya bagi memenuhi keinginan FPK iaitu pembelajaran berasaskan ICT untuk mencungkil bakat serta membina murid yang sempurna dari semua segi dan menangani cabaran globalisasi.

1.2.4 Pendidikan Tamil di Malaysia

Kaum India merupakan golongan terbesar yang datang dari Selatan India ke Tanah Melayu sebagai pendatang. Pendidikan Tamil di Malaysia bermula sejak abad ke-19. Namun perkembangannya hanya dilihat pada tahun 1921. Menurut Rama Subbiah





(1959), sumber sejarah keadaan sebenar pendidikan Tamil sebelum tahun 1921 tidak dapat diperhatikan dengan jelas dari mana-mana sumber.

Menurut Marimuthu (1995), sistem vernakular diperkenalkan supaya tidak wujud masalah perkauman di Tanah Melayu. Keadaan ini mewujudkan ketidakseragaman dalam orientasi dan kurikulum pendidikan Tanah Melayu. Pada zaman permulaan pendidikan Tamil di Tanah Melayu dengan konsep sekolah pondok yang digunakan dengan tujuan pengajaran. Pada kebiasaanya, sekolah pondok ini terletak di rumah-rumah pendeta kuil di ladang-ladang berkenaan. Tapak berpasir dijadikan sebagai bahan tulisan dan jari murid-murid menjadi alat tulisan dalam pendidikan informal ini (Marimuthu, 1995).



Pada masa itu, sekolah-sekolah Tamil didirikan di ladang-ladang dan dikendalikan oleh pihak ladang. Hal ini kerana, kerajaan pada masa itu tidak membenarkan masyarakat India keluar dari ladang dan mengekalkan anak-anak menjadi buruh di ladang berkenaan. Bahasa Tamil dijadikan bahasa pengantar dan sukatan muridan dan buku teks diimport dari India. Pada tahun 1816 sebuah bangunan khas di Penang Free School di Pulau Pinang telah diwujudkan bagi pendidikan Tamil (Dhandayutham, 1982).

Selepas itu, pendidikan Tamil dibahagikan kepada dua peringkat persekolahan. Peringkat pertama ialah pembelajaran sekolah rendah manakala peringkat kedua ialah pembelajaran sekolah menengah. Berikutan itu, banyak sekolah rendah telah





diwujudkan. Sekolah rendah yang diwujudkan ketika itu mempunyai pelbagai sistem pentadbiran yang tidak seragam dan selaras.

Perubahan dalam sistem pendidikan berlaku apabila Penyata Barnes keluar pada 1950. Pernyataan tersebut menyatakan bahawa 'pendidikan sekolah rendah adalah alat perpaduan masyarakat'. Oleh itu, pernyataan ini menyebabkan sistem pendidikan telah dikaji semula secara terperinci. Hasil daripadanya sistem pendidikan kebangsaan telah diwujudkan secara terbuka kepada semua kaum. Bahasa pengantar bagi sekolah kebangsaan ada dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Sistem pendidikan di Malaysia telah berubah selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Laporan Razak pada tahun 1956, merupakan salah satu panduan penting untuk mengubal Dasar Pendidikan Negara. Laporan Razak memberi perhatian kepada menggabungkan semua vernakular sekolah di Tanah Melayu dalam sistem pendidikan kebangsaan. Hasil daripada Laporan Razak, peruntukan wang dari kerajaan turut disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil. Murid-murid dari sekolah Tamil yang berminat melanjutkan studinya ke peringkat sekolah menengah diberi peluang dengan mewujudkan Kelas Peralihan di sekolah menengah (Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil Abad Ke 21, 2000).

Menurut Haji Hamdan (1979), murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah Tamil selama enam tahun akan berpeluang memmuridi bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah. Menurut Dhandayutham (1982), para murid yang





berminat boleh meneruskan pendidikan dalam pengajian Tamil sehingga ke peringkat universiti khususnya di Universiti Malaya.

Pada tahun 1960, Laporan Rahman Talib mengkaji semula sistem pendidikan negara yang dibincangkan dalam Laporan Razak. Selepas Laporan Rahman Talib dilaksanakan, sekolah-sekolah rendah di Malaysia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sekolah-sekolah Kebangsaan dan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Sekolah-sekolah Kebangsaan terdiri daripada sekolah-sekolah Melayu manakala sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan terdiri daripada sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina (Sufean Hussin, 2004). Pembahagian ini masih diteruskan tanpa sebarang bantahan dan halangan sehingga masa kini dan pembahagian ini memberi kesan kepada peruntukan wang yang disediakan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah Tamil.



Kini dasar pendidikan di Malaysia berubah mengikut peredaran masa. Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini terikat dengan Falsafah Pendidikan Malaysia bagi semua jenis sekolah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal pada tahun 1988 bagi memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk murid yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan bahasa Tamil pada masa kini di SJK(T) juga mengikuti kehendak Falsafah Pendidikan Negara (Falsafah Pendidikan Malaysia).





Kurikulum sekolah rendah diubahsuai mengikut kehendak Falsafah Pendidikan Negara bagi semua jenis sekolah rendah di Malaysia. Kurikulum Pendidikan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menekankan lima kemahiran yang utama. Antaranya ialah mendengar, bertutur, membaca, menulis dan komponen tatabahasa dan sastera. Fokus utama dalam kurikulum ini ialah murid-murid harus mengetahui dan menghayati kemahiran asas seperti menulis, membaca dan mengira. Terdapat dua bidang utama dalam bahagian sastera di kurikulum iaitu tatabahasa dan sastera. Oleh itu, pengkaji memberi fokus kepada bahagian sastera bagi kajiannya. Pengkaji memilih aspek *Thirukkural* untuk membuat kajian berdasarkan teknik teknologi yang baharu dalam sistem pendidikan DSKP KSSR Bahasa Tamil Tahun 5.



Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 penggunaan teknologi diberi tekanan yang penting. Penggunaan teknologi digalakkan kepada guru dalam pembelajaran semasa di bilik darjah. Hal ini kerana penggunaan teknologi dalam pembelajaran mampu menarik minat murid untuk meneroka lebih lanjut pengetahuan sedia ada. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran agak berbeza dengan sistem lama yang lebih mengutamakan buku teks semata-mata. Penglibatan teknologi dalam pembelajaran, murid dapat mencari sendiri maklumat-maklumat yang diperlukan sekaligus menambahkan ilmu pengetahuan dan mengekalkan asas perpaduan sedia ada antara pelbagai etnik di Malaysia melalui sistem pendidikan yang sama (DSKP KSSR Bahasa Melayu Tahun 5). Oleh itu, pengkaji menggunakan teknik teknologi *Augmented Reality* dalam kajiannya sebagai pembaharuan dalam pembelajaran *Thirukkural*.



1.3 Permasalahan Kajian

Othman Lebar (2012) berpendapat bahawa permasalahan kajian boleh dijana melalui pelbagai sumber. Beliau juga menyatakan bahawa pengalaman peribadi biasanya boleh dijadikan sumber untuk membina dan memahami masalah atau isu-isu yang menjadi tumpuan kajian. Selain itu, masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan dengan tugas harian juga boleh dijadikan fokus kajiannya.

Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji keberkesanan *Augmented Reality* yang merupakan teknologi terkini dalam pembelajaran *Thirukkural* bagi matamuridan Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pengkaji ingin menilai tahap penguasaan murid-murid dalam pembelajaran *Thirukkural*. Hal ini kerana, *Thirukkural* merupakan salah satu elemen atau bahagian penting yang terdapat dalam kurikulum bahasa Tamil.

Sementara itu, Pareeda Hayeeteh (2010) menyatakan bahawa sebanyak 89 peratus masalah yang berlaku dalam pdp adalah masalah yang melibatkan pdp bahasa. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa trend pengajaran bahasa perlu diberi tumpuan pada pengalaman murid, manakal di samping guru dijadikan sebagai fasilitator sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji mengusahakan kajian ini untuk mengatasi masalah dalam pengajaran bahasa Tamil dan meningkatkan teknik pembelajaran sendiri dalam kalangan murid.

Salah satu aspek dalam pembelajaran bahasa ialah sastera *Thirukkural*. Terdapat banyak cara dan teknik bagi pengajaran dan pembelajaran kuplet-kuplet *Thirukkural*. Walau bagaimanapun, masih terdapat murid-murid yang tidak begitu memahami dan menghayati kuplet-kuplet *Thirukkural* yang dimuridinya. Hal ini dapat dibuktikan dengan markah peperiksaan murid dan juga dengan penglibatan diri murid-murid dalam pertandingan menghafal *Thirukkural*. Oleh yang demikian, penggunaan modul yang berasaskan teknologi *Augmented Reality* akan dijadikan sebagai usaha baharu dalam menghayati dan mengingat *Thirukkural* dalam kalangan murid-murid tahap dua.

Sehubungan dengan perkara tersebut, penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah salah satu cara untuk membolehkan proses pembelajaran seorang murid itu lebih berkesan. Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), modul adalah satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan murid untuk belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan lebih mudah dan tepat. Oleh yang demikian, pembinaan modul tersebut adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan *Thirukkural* di SJKT.

Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Rendah aliran Tamil khususnya murid-murid tahap dua iaitu murid-murid tahun lima. Teknik *Augmented Reality* merupakan salah satu aspek dalam Pembelajaran Abad Ke-21. Walaupun sistem pendidikan negara kita mementingkan Pembelajaran Abad Ke-21; tetapi masih terdapat warga pendidik masih enggan mengikuti kehendak Pembelajaran PAK 21. Penggunaan teknologi dalam

pembelajaran dan pemudahcaraan agak tidak begitu memuaskan dalam kalangan warga pendidik.

Menurut Noshida Hashim (2012) dan Hasuenah Dumeedae (2013), bahan bacaan sangat sesuai penting bagi meningkatkan penguasaan dan pencapaian murid. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan dalam mengatasi kekurangan dan ketidaksesuaian bahan sokongan semasa pdpc.

Pengkaji mengkaji mengenai kebolehlaksanaan teknik *Augmented Reality* di sekolah-sekolah SJKT kerana belum pernah lagi kajian ini dilakukan secara terperinci dan menyeluruh. Maklumat mengenai teknik *Augmented Reality* ini diperolehi daripada buku-buku, kertas kerja yang lalu dan daripada kajian-kajian yang sedia ada maklumat-maklumat ini membolehkan modul ini akan menjadi satu bahan sokongan untuk memmuridi *Thirukkural* di dalam dan di luar bilik darjah.

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap pengetahuan dan kemahiran ICT dalam kalangan murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan ini dilakukan untuk mengetahui sikap murid terhadap penggunaan ICT dan masalah-masalah penggunaan ICT yang dihadapi semasa pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran melalui teknik *Augmented Reality* akan meningkatkan penggunaan teknologi iaitu ICT dalam kalangan guru dan juga murid-murid. Kaedah pembelajaran secara tradisional akan membuatkan murid berasa bosan dan tidak

berminat untuk belajar kerana mereka dibekalkan dengan banyak maklumat dan fakta untuk dihafal dan diingati.

Menurut Christopher (2006), pembelajaran tradisional ini selalunya berlaku secara cetek atau tidak mendalam dan murid mendapati isi kandungan pembelajaran agak abstrak, membosankan dan susah untuk dikaitkan masalah dengan masalah dunia yang nyata. Menurut Ahlfedt (2004), sikap negatif murid terhadap proses pembelajaran yang pasif ini dapat dilihat melalui jumlah kehadiran yang menurun dan pencapaian akademik yang lemah. Menurut Zaleha Binti Abdullah (2014), *Augmented Reality* memang sesuai dijadikan sebagai bahan bantu kerana dapat meningkatkan kefahaman murid serta dapat melahirkan murid yang berfikiran kritis dan kreatif selaras dengan kehendak pendidikan negara.

Pembelajaran teknologi AR ini memberi impak yang positif dalam mengubah sikap para murid dan proses pdp yang dijalankan di dalam bilik darjah. Pembelajaran Abad Ke-21 mengutamakan penggunaan teknologi dalam proses pdp. Penguasaan dan pengaplikasian Pengajaran Abad Ke-21 di dalam diri para warga pendidik dapat meningkatkan potensi dan jati diri guru-guru di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada pencapaian akademik dan sahsiah murid. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tahap pencapaian murid-murid sekolah rendah yang mengamalkan Pembelajaran Abad Ke-21.



Selain itu, Pembelajaran Abad Ke-21 secara tidak langsung menerapkan nilai dan motivasi yang positif. Pengkaji mengkaji nilai moral dan kelakuan murid-murid menerusi Pembelajaran Abad Ke-21. Hal ini demikian kerana, masalah disiplin dan keruntuhan akhlak dalam kalangan murid adalah dalam tahap yang membimbangkan.

Pada masa kini, perkembangan teknologi telah mempengaruhi setiap bidang kehidupan. Perkembangan teknologi maklumat serta penggunaan komputer membawa implikasi yang besar terhadap kehidupan manusia termasuklah bidang pendidikan. Aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Malahan, menurut Zamri (2012), bentuk pembelajaran dan pemudahcaraan pada Abad Ke-21 adalah berpusatkan guru dan pada masa yang sama guru memainkan peranan lebih penting untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan berkomunikasi dan menguasai bahasa. Penekanan dalam menguasai kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21 dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, kurikulum pendidikan haruslah sentiasa mengikut peredaran zaman bagi memastikan murid yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan malah menguasai kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21 bagi menghadapi era globalisasi.





Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam matamuridan bahasa Tamil. Hal ini demikian, kurangnya kajian yang telah dilaksanakan mengenai Pembelajaran Abad Ke-21 khususnya dalam bidang bahasa Tamil. Pada masa yang sama, pengkaji mendapati bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa merupakan elemen penting dalam proses melengkapkan keperluan murid menguasai bahasa.

Dalam pembelajaran masa kini, guru bahasa Tamil bukan sahaja perlu menguasai ilmu malah perlu melengkapkan dengan kemahiran bahasa untuk meningkatkan sikap, motivasi dan tahap pencapaian murid-murid mengikut Pembelajaran Abad Ke-21. Pengkaji memilih pembelajaran *Thirukkural* untuk mengkaji keberkesanan teknik *Augmented Reality* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan menggantikan teknik tradisioanal yang digunakan oleh guru. Melalui kajian ini, pengkaji cuba menilai tahap pencapaian murid dalam pembelajaran *Thirukkural* selepas menggunakan teknik *Augmented Reality*.

Walaupun terdapat pelbagai kemudahan teknologi seperti komputer di sekolah, guru masih mengamalkan amalan pengajaran secara tradisional. Guru-guru sekolah berpendapat bahawa murid-murid tidak bersedia dari aspek sikap, kemahiran dan penggunaan teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran kurang berkesan dan tidak menyeronokkan sekiranya guru hanya menggunakan kaedah *chalk & talk*. Kaedah *chalk & talk* kurang membantu perkembangan kognitif dan kemahiran berfikir di kalangan murid.





Menurut Rohana Zubir (1981), teknik pengajaran cara lama tidak lagi menjamin keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Azmi Hj Muad el. al (2000), menyatakan bahawa dalam melaksanakan sistem pendidikan sekolah bestari sumber manusia; guru perlu dilengkapi dengan kemahiran yang tertentu dalam teknologi komputer agar dapat membimbing murid, memandu murid dan membantu murid dalam pembelajaran.

Selain itu, permasalahan lain bidang pendidikan yang telah dikenalpasti adalah bilangan murid yang ramai serta kemampuan untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah di kalangan murid dan juga budaya menyelesaikan masalah dengan mengikut apa yang diajar. Menurut Nurhidayah Razali (2008), pengajaran sehala di mana guru lebih banyak menggunakan pendekatan verbal di dalam kelas memberikan kesan kepada sesetengah murid yang mempunyai tahap pemikiran dan kefahaman yang berbeza. Oleh itu, proses pembelajaran semasa perlu menggunakan teknologi terkini dan berbentuk pembelajaran berpusatkan murid bagi membawa pembaharuan seterusnya menarik minat para murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Newman (2003), aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid lebih bernilai daripada pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru. Oleh yang demikian, pengkaji ingin menggunakan teknik teknologi '*Argmented Reality*' dalam pembelajaran *Thirukkural*. Perubahan dalam proses pdp akan menjadi salah satu permulaan dalam pembelajaran di SJKT.



Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu para guru dan juga murid-murid yang lebih mengutamakan tradisional dalam pdp. Kajian ini juga akan melahirkan minat murid-murid dalam proses pembelajaran. Hal ini akan menjadi pendorong dan menyenorkkan proses pembelajaran di kelas seperti yang dinyatakan dalam Pembelajaran Abad Ke-21. Kajian ini akan memberi panduan yang jelas bagi menarik minat murid terhadap pembelajaran. Kajian ini akan menjadi pemangkin dan pendorong dalam pembelajaran di kelas seperti yang dinyatakan dalam PAK 21. Malah, kajian ini juga akan memfokuskan kepada aspek seperti aspek penggunaan, pengetahuan, dan juga penggunaan teknologi dalam pembelajaran *Thirukkural* yang diaplikasikan di sekolah.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah membina dan menilai sebuah modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality* di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.



1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti beberapa aspek khususnya penggunaan teknologi *Augmented Reality* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural*. Objektif bagi kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian selaras dengan tiga fasa kajian ini, iaitu :

1.5.1 Fasa 1 : Analisis Keperluan

1. Menenal pasti masalah pembelajaran *Thirukkural* di SJKT.
2. Menenal pasti analisis keperluan menyediakan modul pembelajaran *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*.

1.5.2 Fasa 2 : Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

3. Mendapatkan pandangan pakar dan guru terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*.





1.5.3 Fasa 3 : Pelaksanaan dan Penilaian Modul

4. Mendapatkan pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*.
5. Mengenal pasti kebolehlaksanaan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality* secara kontekstual dalam kajian lapangan.

1.6 Soalan Kajian



Terdapat beberapa persoalan yang digunakan dalam kajian ini. Soalan kajian ini dibahagikan dengan tiga fasa selaras dengan objektif kajian. Antaranya :

1.6.1 Fasa 1 : Analisis Keperluan Guru

1. Apakah fenomena dan masalah dalam pembelajaran *Thirukkural* di SJKT ?
2. Apakah maklumat tentang keperluan guru terhadap penyediaan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*?





1.6.2 Fasa 2 : Reka Bentuk dan Pembangunan Modul

3. Apakah pandangan pakar, guru dan murid terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*?

1.6.3 Fasa 3 : Pelaksanaan dan Penilaian Modul

4. Apakah pandangan guru dan murid selepas menggunakan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality*?
5. Sejauh manakah kebolehlaksanaan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality* secara kontekstual dalam kajian lapangan.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah pernyataan tentatif tentang penyelesaian masalah. Pernyataan tentatif hubung kait antara dua atau lebih pemboleh ubah. Hipotesis juga memberi jangkaan mengenai hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Hipotesisi dibentuk sebelum pengumpulan data bagi memberi panduan pengumpulan data.



Hipotesis merupakan bukti dari kajian yang akan menentukan sama ada sesuatu kajian perlu diterima atau ditolak.

Borg & Gall (1989), mengenal pasti empat kriteria dalam hipotesis. Antaranya hipotesis perlu menerangkan perkaitan yang dijangkakan antara dua atau lebih pembolehubah, hipotesisnya boleh diuji, hipotesis ringkas mungkin tetapi jelas dan penyelidik patut mempunyai sebab kukuh berdasarkan bukti atau teori bagi menentukan hipotesis yang patut diuji. Pengkaji menggunakan hipotesis dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan modul melalui ujian pra dan ujian pasca. Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:

Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

H_{a1}

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

ii. H_{o2}

Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

Ha₂

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pra dan min skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

iii. Ho₃

Tiada perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pasca kumpulan kawalan dan min skor ujian pasca kumpulan rawatan.

Ha₃

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pasca kumpulan kawalan dan min skor ujian pasca kumpulan rawatan.

1.8 Signifikasi Kajian

Kajian ini penting untuk mendedahkan keperluan pembelajaran *Thirukkural* serta memberi pendedahan tentang teknologi baharu iaitu *Augmented Reality* dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Pengajaran dan pembelajaran *Thirukkural* bukanlah semudah yang dijangka malah beberapa aspek terdapat beberapa konsep dan juga fakta perlu diingati. Pengajaran *Thirukkural* bukanlah hanya tergantung dengan pembelajaran tradisional.



Oleh yang demikian, pembinaan modul pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* berdasarkan teknologi *Augmented Reality* dapat mengwujudkan pembaharuan dalam pembelajaran *Thirukkural* dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Guru-guru boleh menggunakan modul ini sebagai salah satu bahan bantu mengajar dalam pembelajaran *Thirukkural*.

1.9 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kajian mengenai pembelajaran dan pemudahcaraan berteraskan Pembelajaran Abad Ke-21 tetapi tidak banyak kajian dilakukan oleh pengaji mengenai *Augmented Reality* dalam pembelajaran *Thirukkural* bagi matamuridan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Sistem Pendidikan negara kita memberi keutamaan dalam semua mata muridan tidak dikira mata muridan teras ataupun elektif. Oleh sebab itu, pengaji memilih mata muridan bahasa Tamil sebagai fokus dalam kajiannya. Hal ini dipercayai dapat membantu guru-guru yang mengajar mata muridan bahasa Tamil dalam aspek *Thirukkural* supaya dapat mempertingkatkan lagi teknik pembelajaran dan pemudahcaraan mereka yang lebih sistematik dan berkesan. Sebagai seorang guru memainkan peranan penting bagi mewujudkan satu bentuk proses pdpc yang mampu memberi daya tarikan dalam kalangan para murid. Oleh itu, teknologi AR ini akan memenuhi kehendak dan keinginan para murid.





Robiah Sidin dan Hassan Langgulung (1980) menyatakan bahawa kreativiti bagi seorang guru merupakan elemen yang dapat dipergunakan untuk menghasilkan satu bentuk pengajaran dinamik. Menurut Abd Ghafar Md. Din (2003), penggunaan pelbagai kaedah pengajaran atau teknik yang bersesuaian akan menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan tidak akan berasa bosan.

Selain itu, kajian ini dapat memberi pendekatan yang berkesan kepada semua warga pendidik. Walaupun semua warga pendidik mengenali Pembelajaran Abad Ke-21 tetapi bukan semua pendidik menghayati dan mendalami Pembelajaran Abad Ke-21. Pada masa kini, kebanyakan masyarakat berpendapat Pembelajaran Abad Ke-21 hanya memberi keutamaan kepada Sains dan Teknologi malah Pembelajaran Abad Ke-21 merangkumi semua bidang dan mata muridan serta nilai, sikap, motivasi dan pencapaian. Oleh itu, kajian ini membantu masyarakat mengenali sistem Pembelajaran Abad Ke-21 dan kandungannya.

Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan dunia globalisasi ini. Perubahan-perubahan dalam pendidikan ini turut tercatat dalam dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK), kemahiran abad ke-21. Kajian ini juga akan memberi motivasi kepada murid untuk mempelajari bahasa Tamil dengan lebih seronok.



Dalam kajian ini juga, pengkaji dapat meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesuatu kritikan dan pandangan melalui pengaplikasian teknik baharu dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Justeru, secara tidak langsung dapat mengangkat bidang kritikan dalam bidang pembelajaran abad ke-21 dan *Augmented Reality* sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain.

Kajian ini, dijalankan untuk meninjau sejauh mana teknik *Augmented Reality* membantu pencapaian murid-murid dalam pembelajaran sejak kural bagi mata muridan bahasa Tamil. Teknik ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pembelajaran sendiri di kalangan murid-murid.

Setiap kajian mempunyai kepentingan yang tersendiri. Begitu juga dengan kajian ini. Dalam kajian ini, teknik *Augmented Reality* dalam pembelajaran *Thirukkural* menjadikan sebagai bahan kajian. Kajian pemikiran *Augmented Reality* ini akan memberi impak kepada pengkaji dan pembaca. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan gambaran dan pandangan tentang penggunaan teknologi serta pendekatan dan penglibatan tokoh-tokoh pengkritik dalam teori pembelajaran.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan tunjuk ajar dalam penggunaan teknik *Augmented Reality* kepada pembaca dan juga pengkaji. Penggunaan teknologi maya seperti *Augmented Reality* membantu mewujudkan satu suasana dan situasi yang berbeza dan menyeronokkan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan. Di samping



itu, memberikan pendedahan kepada pembaca tentang PAK 21 dan aspek yang dinyatakan dalamnya.

Kajian ini akan menjadi asas dalam mencorakkan proses pengajaran supaya dapat mewujudkan keceriaan murid menerusi aktiviti-aktiviti AR. Selain itu, kreativiti guru dapat diwujudkan dalam menyampaikan isi muridan semasa proses pdpc dengan mengaitkannya dengan isu-isu semasa yang menjadi sumber maklumat tambahan kepada para murid. Justeru, proses pengajaran dengan penggunaan teknologi AR akan menjadikan murid dapat lebih seronok mengikuti setiap isi muridan yang disampaikan serta dapat memberi sepenuh perhatian semasa proses pdpc dilaksanakan.



Kajian pembelajaran *Thirukkural*, akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan tentang teknologi *Augmented Reality*. Selain itu, kajian ini dapat menambahkan khazanah ilmu kesusasteraan lagi dan menarik minat para sarjana membuat kajian dan penyelidikan tentang teknologi *Augmented Reality*.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada *Thirukkural* yang tersenarai dalam sukatan kandungan pengajaran Sekolah Rendah Jenis Tamil (SJKT) dari tahun satu hingga tahun enam. Terdapat 30 kuplat *Thirukkural* yang tersenarai dalam sukatan kandungan pengajaran



Sekolah Rendah Jenis Tamil.

Pengkaji memilih *Thirukkural* kerana didapati murid-murid tahun satu hingga tahun enam susah dan malas untuk menghafal dan mengingat kembali sajak kural bersama dengan maksudnya. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat menguasai dan menghayati sajak kural. Oleh itu, pengkaji menggunakan teknik teknologi yang baharu dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan iaitu *Augmented Reality* (pengajaran maya) dalam pembelajaran *Thirukkural*.

Pengkaji memilih empat buah sekolah. Sebuah sekolah akan dijadikan sebagai rintis dan tiga buah sekolah lagi akan dijadikan sebagai kumpulan kawalan dan rawatan bagi kajian ini. Sekolah-sekolah ini akan dipilih dalam daerah Kinta Selatan. Fokus utama responden dalam kajian ini ialah murid-murid tahun lima. Pengkaji menggunakan murid-murid tahun lima sebagai responden walaupun kural yang digunakannya dari tahun satu hingga tahun enam kerana untuk mengkaji keberkesanan teknik *Augmented Reality* dan kemenjadian murid melalui kajian ini.

Pengkaji akan memilih seramai 60 orang murid dari tahun lima dengan menggunakan *krejcie & morgan table* sebagai responden bagi kajiannya. Pengkaji ingin mengetahui keberkesanan *Augmented Reality* dalam pembelajaran *Thirukkural* melalui kajian ini. Melalui teknik teknologi *Augmented Reality* pengkaji ingin mengukur tahap kefahaman murid-murid terhadap *Thirukkural* dan maksud *Thirukkural*. Pengkaji akan menggunakan beberapa instrumen seperti ujian pra dan pasca, soal selidik dan temu bual bagi mengkaji dan mengenal pasti kefahaman murid terhadap 30 *Thirukkural* dengan penggunaan teknologi ini.



Sejumlah 1330 kuplet *Thirukkural* terkandung dalam Karya Agung *Thirukkural*. Pengkaji hanya memilih 30 kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam sukatan muridan dari tahun 1 hingga tahun 6 dalam kajiannya. Kesemua 30 kuplet *Thirukkural* telah disenaraikan mengikut tahun.

1.11 Sumber Kajian

Sumber kajian sangat penting dalam sesuatu kajian. Sesuatu kajian akan melibatkan beberapa sumber dalam penyelidikan masing-masing. Pengkaji menggunakan dua cara penyelidikan yang utama. Antaranya ialah modul *Thirukkural* yang dibina menggunakan teknik teknologi *Augmented Reality* dan analisis data. Oleh itu, pengkaji membuat kajian berdasarkan modul *Thirukkural* yang dibinanya serta membuat analisis berdasarkan modul tersebut.

Sumber utama ialah sumber data atau maklumat asas mengenai sesebuah kajian. Biasanya, sumber kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Pengkaji memilih kajian lapangan sebagai sumber utama dalam kajiannya. Pengkaji membuat kajian di sekolah-sekolah SJKT bagi memperoleh data berdasarkan kajiannya. Dalam sumber utama, pengkaji menjelaskan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Selain itu, pengkaji menggunakan instrumen seperti temu bual, soal selidik dan ujian penilaian dalam kajian lapangan. Pengkaji mengumpul data melalui teknik mengumpulkan data-data berdasarkan modul yang dibuatnya.





Sumber sekunder yang digunakan oleh pengkaji ialah kajian perpustakaan. Pengkaji mengunjungi beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti UPSI, Perpustakaan Awam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Awam Ipoh untuk memperoleh buku-buku, jurnal, kertas kerja dan buku-buku penyelidikan sebelum penyelidikan dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 30 kuplet-kuplet *Thirukkural* yang terkandung dalam sukatan kandungan pembelajaran. Pengkaji menggunakan bahan rujukan seperti sukatan kurikulum, buku teks dan internet untuk memperolehi bahan tentang *Thirukkural*

1.12 Definisi Operasional



Untuk memastikan perbincangan pengkaji selaras dengan objektif, beberapa istilah akan didefinisikan dan dihuraikan dengan bantuan konsepnya. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca dan pengkaji lain memahami istilah dan konsep dalam kajian ini.

1.12.1 *Argmented Reality*

Argmented Reality (AR) merupakan keadaan integrasi objek maya dan dunia sebenar dalam masa nyata. Teknologi realiti luasan yang dikenali sebagai *Argmented Reality* (AR) mula diperkenalkan oleh Ivan Sutherland pada tahun 1965. Pada awal 1990 an istilah '*Argmented Reality*' mula digunakan oleh Caudell dan Mizell pada tahun 1992 yang membangunkan sebuah sistem AR sebagai alat untuk melatih pekerja di Boeing



Corporation USA untuk memahami dan mengendalikan pendawaian di dalam sistem pesawat. *Argmented Reality* terletak berhampiran dunia nyata di mana dunia nyata diperluaskan dengan objek maya yang dihasilkan oleh komputer (Arvanitis, 2007).

Milgram (2004) menyatakan bahawa AR dari perspektif yang berbeza membolehkan pengguna untuk melihat persekitaran dunia nyata bersama-sama dengan objek maya yang dijanakan. Oleh itu, AR dikatakan penambahbaikan kepada persekitaran nyata bukan menggantikan dengan persekitaran baharu.

Hollerer & Feiner (1994) menyatakan bahawa AR adalah sistem yang menggabungkan maklumat sebenar dan maklumat yang dijanakan oleh komputer (objek maya) dalam persekitaran sebenar, berinteraksi dengan objek maya tersebut secara masa nyata dan memaparkan orientasi objek maya yang selaras dengan objek sebenar.

Argmented Reality (AR) merupakan salah satu teknologi yang boleh membantu membawa pengalaman dan pembelajaran berasaskan lokasi kepada para murid dengan menambahkan keberkesanan dunia sebenar yang sedia ada. Dengan teknologi ini lokasi yang dilihat oleh para murid adalah secara tersendiri. AR ini mempunyai potensi untuk membawa pembelajaran luar bilik darjah dan pembelajaran sendiri di mana murid tersebut tinggal atau berada di luar bilik darjah (Weinberger 1996).



Menurut Haller, Billinghurst, dan Thomas (2007), *Augmented Reality* bertujuan untuk mengembangkan teknologi yang memperbolehkan penggabungan secara *real-time* terhadap digital content yang dibuat oleh komputer dengan dunia nyata. *Augmented Reality* memperbolehkan pengguna melihat objek maya dua dimensi atau tiga dimensi yang diproyeksikan terhadap dunia nyata (Emerging Technologies of *Augmented Reality: Interfaces and Design*).

Teknologi *Augmented Reality* dapat menyisipkan suatu informasi tertentu ke dalam dunia maya dan menampilkannya di dunia nyata dengan bantuan perlengkapan seperti webcam, komputer, HP Android, maupun kacamata khusus. Pengguna di dalam dunia nyata tidak dapat melihat objek maya dengan mata telanjang, untuk mengidentifikasi objek dibutuhkan perantara berupa komputer dan kamera yang nantinya akan menyisipkan objek maya ke dalam dunia nyata.

Buchanan, Seicher, Billinghurst, Grasset, (2008) menyatakan bahawa AR adalah *toolkit* untuk menghubungkan dunia nyata dan maya dengan menggunakan simulasi badan. Teknologi AR ini menggalakkan pembelajaran formal yang mudah diakses, malah ia boleh dibuktikan berkesan terutamanya dalam menarik perhatian para murid. Teknologi ini juga berpeluang untuk mengembangkan pembelajaran kepada ruang yang dapat membentuk hubungan dengan kandungan; lokasi yang menyediakan konteks untuk pembelajaran tersebut. Billinghurst (2002) menyatakan bahawa AR menawarkan faedah pendidikan yang unik dalam sistem pendidikan dan mewujudkan interaksi baharu dengan para murid.



1.12.2 Pembelajaran *Thirukkural*

Salah satu komponen penting dalam kesusasteraan Tamil ialah *Thirukkural*. *Thirukkural* sangat popular dalam kalangan masyarakat India seluruh dunia, malahan juga semua kaum di Malaysia. *Thirukkural* adalah dalam berbentuk sajak dan juga merupakan sastera klasik tertua dalam Kesusasteraan Tamil. Kuplat *Thirukkural* ini dikarang oleh *Thiruvalluvar* dalam bahasa Tamil sekitar 3000 tahun Masihi.

Thirukkural merupakan kitab pegangan hidup masyarakat Tamil, inspirasi bagi semua pemerintah ketika itu bagi menjamin pemerintahan yang adil dan bijaksana. *Thirukkural* juga membicarakan tentang pelbagai persoalan sikap manusia terhadap diri dan alam. Jumlah *Thirukkural* yang dihasilkan oleh *Thiruvalluvar* ialah sebanyak 1330 yang membincangkan tentang tiga elemen. Elemen pertama dalam teks *Thirukkural* ialah *Aram* (Kebenaran atau *Dharma*) yang membicarakan dalam 38 bab (380 sajak kural) tentang kebajikan, pentadbiran negara dan cara mencapai moksha (bersatu dengan Tuhan). Elemen kedua pula, *Porul* (Kebendaan) yang menghuraikan tentang soal wang dan harta dalam 70 bab (700 sajak kural). Elemen ketiga adalah *Inbam* (Nikmat Cinta) yang membicarakan tentang soal nikmat cinta dan kehidupan suami-isteri dalam 25 bab (250 sajak kural).

Thirukkural mempunyai 1330 kural dalam dua baris iaitu baris pertama mempunyai empat perkataan dan baris kedua mempunyai tiga perkataan. Terdapat sepuluh *kural* dalam setiap bab. *Thirukkural* terjemahkan dalam pelbagai bahasa dan

ini jelas menunjukkan bahawa karya klasik ini diiktiraf oleh masyarakat pelbagai bangsa di setiap pelosok dunia. Hal ini menunjukkan *Thirukkural* memenuhi dengan pelbagai unsur dan nilai-nilai moral yang membantu kesejahteraan kehidupan seseorang individu.

Sebanyak 30 kuplet *Thirukkural* dipilih dan dicetak dalam buku teks dari tahun satu hingga tahun enam di SJKT. Hal ini menunjukkan kandungan *Thirukkural* memupuk individu dari kecil lagi. Dalam bahagian *Aram* iaitu kebenaran atau dharma menegaskan sifat-sifat budi pekerti baik dan buruk. Bahagian *Porul*, iaitu kebendaan menegaskan aspek ketatanegaraan dan bidang *inbam* iaitu kebendaan menerangkan aspek cinta dan kepercayaan seseorang.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 30 kuplet *Thirukkural* yang disarankan dalam kurikulum sekolah rendah dalam kajiannya. Dengan ini, pengkaji ingin mengkaji keberkesanan dan keberhasilan teknik teknologi *Augmented Reality* dalam pdpc *Thirukkural*.

1.12.3 Teori Pembelajaran

Teori merupakan perkara asas kepada sesuatu bidang ilmu, termasuklah bidang psikologi pendidikan. Teori-teori pembelajaran dalam pendidikan memberi fokus



kepada aspek-aspek pembelajaran. Menurut Stanovich (1992) teori merupakan set konsep-konsep yang saling berkait, yang digunakan untuk menjelaskan sesebuah data dan untuk meramal keputusan kajian-kajian akan datang.

Menurut Arends (1997) menyatakan bahawa model pembelajaran adalah suatu pola yang digunakan sebagai pedoman dalam pembelajaran di kelas. Menurut Trianto (2010) model pembelajaran mengacu pada pendekatan pembelajaran yang digunakan bagi tujuan-tujuan pengajaran, tahap-tahap dalam kegiatan pembelajaran, lingkungan pembelajaran dan pengelolaan kelas.

Model pembelajaran boleh disimpulkan sebagai kerangka konseptual yang dilukiskan prosedur sistematik dalam mengorganisasikan pengalaman belajar untuk mencapai tujuan belajar dan berfungsi sebagai pedoman bagi perancang pembelajaran dan melaksanakan pembelajaran. Teori pembelajaran yang digunakan oleh pengkaji ialah teori pembelajaran aktif, teori pembelajaran Vygotsky dan teori koneksionisme Thorndike.

Teori pembelajaran aktif adalah suatu pola yang digunakan dalam suatu pembelajaran yang mengajak peserta didik untuk belajar aktif dan turut serta dalam semua proses pembelajaran. Menurut Hisyam Zaini (2008), pembelajaran aktif adalah suatu pembelajaran yang mengajak peserta didik untuk belajar secara aktif. Teori pembelajaran Vygotsky mengutamakan pemikiran kritis dan teori pembelajaran Koneksionisme Thorndike mengutamakan minat dan sikap para murid.



Secara kesimpulannya, pengaplikasian teori pembelajaran dalam kajian berupaya melahirkan murid yang mampu membina pemahaman dan pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan teori pembelajaran untuk melicinkan lagi proses pdpc semasa menjalankan teknik teknologi *Augmented Reality* dalam kajiannya.

1.13 Kesimpulan

Teknik *Augmented Reality* merupakan salah satu teknologi maya. Pengkaji ingin menggunakan teknologi ini dalam pembelajaran dan pemudahcaraan *Thirukkural* di SJKT. Teknologi maya sangat ditekankan dalam Pembelajaran Abad ke-21. Hal ini kerana, pembelajaran pada masa kini harus mengikut peredaran masa dan perubahan globalisasi. Kajian ini juga menekankan pembelajaran *Thirukkural* dan keberkesanan pembelajaran *Thirukkural* melalui teknik teknologi *Augmented Reality* bagi murid-murid tahun lima.